

**Ingatan kepada ahli2 kalau mahu  
kekuatan UMNO dikekalkan**

# **RAHSIAKAN STRATEGI PARTI — DR. M**

MM - 5 SEP 1982

**K**UALA LUMPUR 4 Sept. — Ahli-ahli UMNO hari ini diingatkan supaya merahsiakan beberapa strategi parti daripada musuh sekiranya mereka mahu kekuatan parti berkekalan.

Presiden UMNO Malaysia, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad yang membuat peringatan ini menegaskan, sekiranya strategi-

Oleh  
**Razak Rashid Ghows**

ketawa.

Dengan serius pula, beliau mengingatkan, semua pihak hendaklah berhati-hati supaya rahsia yang merugikan parti dan kerajaan tidak dibongkarkan.

Mengenai minat ahli-ahli parti, Presiden UMNO menegaskan bahawa sikap dan

politik dan lebih buruk lagi ada di kalangan mereka yang mempunyai pendirian politik yang bertentangan.

Datuk Sri Dr. Mahathir menjelaskan bahawa tujuan konvensyen UMNO dianjurkan di setiap negeri pada setiap tahun adalah untuk menerangkan perjuangan parti yang sebenar dan membincangkan perkara-perkara lain yang mungkin tidak dapat dikemukakan dalam persidangan perwakilan UMNO setiap tahun.

strategi parti dibincangkan secara terbuka mungkin kekuatan dan kedudukan parti sendiri akan terjejas.

Berucap merasmikan Konvensyen UMNO Selangor di Selayang dekat sini, Perdana Menteri juga menggesa semua ahli UMNO supaya menanamkan minat yang mendalam terhadap perjuangan parti sekiranya mereka mahu UMNO meneruskan peranannya sebagai tulang pemerintah negara.

### Matlamat

Katanya, beberapa matlamat dan strategi tertentu dalam parti perlu disembunyikan supaya pihak lawan tidak dapat membuat persediaan menentanginya.

"Kalau hasil perbincangan konvensyen misalnya jatuh ke tangan orang lain maka segala strategi kita sudah tidak ada erti lagi," katanya.

Beliau bagaimanapun memberitahu bahawa dalam masyarakat Malaysia hari ini memang sukar bagi orang menyimpan rahsia sehingga perkara yang berlaku dalam bilik Perdana Menteri sendiri juga diketahui orang ramai.

Sambil berseloroh, Datuk Sri Dr. Mahathir berkata: "Kadangkala sebelum saya membuat sebarang keputusan pihak akhbar telah terlebih dahulu merumuskan keputusannya," disambut dengan gelak

minat adalah penting untuk mengekalkan kekuatan parti dan bilangan ahli yang ramai sahaja tidak akan mendatangkan kejayaan.

"Kita harus juga ingat bahawa kerana sebab-sebab minatlah UMNO telah berjaya menjadi satu kuasa di dalam politik negara ini dan tulang belakang kerajaan," ujarnya lagi.

Beliau mengingatkan bahawa sekiranya minat di kalangan ahli menjadi luput dan lemah kuasa yang ada pada orang-orang Melayu sekarang ini akan lucut dari pegangan.

Perdana Menteri berkata kuasa yang diperolehi itu bagaimanapun akan hanya digunakan untuk mempertahankan kedudukan orang-orang Melayu "agar kita akan dapat duduk sama rendah dan berdiri sama tinggi dengan orang-orang lain dan tidak lebih dari itu."

Katanya: "Kita bukan berjuang dengan kuasa semata-mata kerana kuasa, tetapi menganggapnya penting kerana melaluinya kita akan dapat mempertahankan kedudukan."

Beliau juga menyeru ahli-ahli UMNO supaya mengekalkan kedudukan ini agar semangat dan kepercayaan perjuangannya dapat dipupuk di kalangan mereka yang belum sedar tentang kepentingan politik.

Katanya, beliau sedar bahawa ramai orang muda kini tidak mempunyai minat terhadap

Perdana Menteri juga mengingatkan pemimpin-pemimpin parti supaya menyedari tanggungjawab mereka untuk mengekalkan perpaduan di dalam UMNO dan mengelakkan perpecahan.

### 'Peristiwa'

Datuk Sri Dr. Mahathir mengakui bahawa dalam sesebuah parti seperti UMNO yang mempunyai seramai 750,000 orang ahli sudah tentu akan mengalami perbezaan pendapat di kalangan ahli-ahlinya.

Walaupun demikian, katanya, UMNO masih juga dapat bergerak dengan berkesan selagi wujud persetujuan dalam perkara-perkara perjuangan yang asas.

Menyentuh mengenai pemilihan ketua Pergerakan Pemuda dan Wanita UMNO Malaysia minggu depan, Perdana Menteri menegaskan pemilihan itu sebenarnya adalah satu 'peristiwa' sahaja dan yang penting ialah kemenangan UMNO.

Kemenangan itu, katanya, akan wujud bila kekal perpaduan di dalam parti selepas pemilihan kelak.

Turut hadir di majlis perasmian konvensyen itu ialah Menteri Besar Selangor, Datuk Haji Ahmad Razali dan Naib Presiden UMNO Malaysia, Dato' Haji Harun Idris.